

0393

U 1 '72 BAH
MAHATHIR 9 - PARLIMEN

CHANGLUN, 21 SEPT (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MEMASTIKAN PEMBUBARAN PARLIMEN BAGI MENGADAKAN PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, DIBUAT MENGIKUT UNDANG-UNDANG, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

+KALAU KITA PERLU BUBAR (PARLIMEN) KITA BUBAR, ASALKAN IA TAK MELANGGAR UNDANG-UNDANG. KALAU TAK PERLU BUBAR, KITA TAK BUBAR,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SEBAGAI MENGULAS KENYATAAN SETIAUSAHA AGUNG DAP, ENCIK LIM KIT SIANG, SEMALAM, KONONNYA PERDANA MENTERI DIANGGAP +MEMPERSENDAKAN PARLIMEN JIKA IA DIBUBARKAN SELEPAS NOTIS MEMANGGIL PERSIDANGAN SELAMA DUA BULAN BERMULA 15 OKT INI, TELAH DIHANTAR KEPADA SEMUA ANGGOTA PARLIMEN.+

KETIKA DITANYA SAMA ADA MENYALAH PERATURAN SEKIRANYA PARLIMEN DIBUBARKAN PADA MASA BERKENAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +SAYA TAK TAHU (SAMA ADA) PEMBUBARAN (SEPERTI) ITU MELANGGAR PERATURAN ATAU TIDAK...+

BELIAU MENYIFATKAN KENYATAAN ENCIK LIM ITU SEBAGAI +MEMANCING+ BELIAU UNTUK MENGUMUMKAN TARIKH PILIHAN RAYA.

+DIA NAK TAHU BILA PILIHAN RAYA. KALAU SAYA ISYTIHAR KITA BOLEH BUBAR PARLIMEN... KALAU SAYA KATA MACAM TU, DIA KATA, 'HA INI TETAPLAH TAK LAMA LAGILAH,'+ TAMBAHNYA.

ENCIK LIM BERKATA DI PULAU PINANG SEMALAM BAHAWA SEBARANG PEMBATALAN PERSIDANGAN PARLIMEN TANPA SEBAB-SEBAB LUAR BIASA, SETELAH NOTIS MEMANGGIL PERSIDANGAN DIHANTAR, AKAN MERENDAHKAN TARAFNYA MENJADI SEBAGAI ALAT MAINAN POLITIK PARTI-PARTI PEMERINTAH. -- BERNAMA.

1913MST 21 09 90